

# PENERIMAAN GOLONGAN PROFESIONAL TERHADAP PROGRAM DAKWAH DI PAHANG

*Ahmad Effat Mokhtar, PhD<sup>11</sup>*

*Brahim Hashim, PhD.<sup>12</sup>*

*Abdul Munir Ismail, PM, PhD<sup>13</sup>*

## ABSTRAK

*Makalah ini mengkaji tentang penerimaan program dakwah golongan profesional di Pahang. Isu yang dikaji ialah, sejarah Islam di Pahang, program dakwah yang dijalankan oleh badan-badan dakwah di Pahang seperti Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP), Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) dan Pertubuhan IKRAM. Permasalahan kajian golongan profesional di Pahang antaranya adalah kurang mendapat maklumat program dakwah, kesibukan bekerja dan permasalahan pendakwah yang kurang mendekati serta pendekatan dakwah yang tidak sesuai. Objektif kajian adalah untuk mengenalpasti tahap kefahaman, amalan agama, pengaruh, sikap, keberkesanan dakwah terhadap penerimaan program dakwah kepada golongan profesional di Pahang. Reka bentuk kajian tinjauan berpandukan Teori Perlakuan Bersebab (TPB) digunakan untuk mengetahui hubungan enam faktor tingkah laku iaitu amalan agama, kefahaman agama, sikap, pengaruh rakan, kepuasan dan keberkesanan dakwah dengan penerimaan program dakwah. Data kajian dianalisis secara deskriptif dan inferensi ANOVA sehalu, korelasi dan regresi berganda. Kajian ini juga menggunakan pendekatan kuantitatif dan disokong oleh data kualitatif. Seramai 318 orang golongan profesional Melayu terlibat untuk menjawab instrumen soal selidik. Sementara itu, seramai 37 orang responden yang terdiri daripada golongan profesional, pendakwah serta organisasi terlibat dengan sesi temu bual. Kesimpulan daripada kajian menunjukkan penggunaan teori TPB dalam mengenal pasti penerimaan program dakwah dapat meningkatkan kualiti pelaksanaan program dakwah di Pahang. Implikasi kajian menunjukkan bahawa organisasi dakwah perlu mengambil perhatian terhadap faktor keberkesanan dan pengaruh rakan supaya dakwah dapat diterima oleh golongan professional dengan lebih berkesan.*

*Kata kunci: Profesional, sejarah Islam Pahang, Dasar pelaksanaan dakwah, penerimaan program dakwah.*

## PENDAHULUAN

Golongan profesional adalah produk daripada pemodenan masyarakat hari ini. Di kebanyakan negara sedang membangun khususnya di Malaysia, golongan ini diperlihatkan sebagai nadi utama dan memainkan peranan yang sangat penting dalam mencorak pentadbiran negara, bahkan menjadi tulang belakang dalam usaha memajukan ekonomi dan masyarakat. Mereka turut dilabelkan

---

<sup>11</sup> Penulis merupakan pensyarah di Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah. Email: [effat@kuiipsas.edu.my](mailto:effat@kuiipsas.edu.my).

<sup>12</sup> Penulis merupakan pensyarah di Fakulti Sains Kemanusiaan Jabatan Pangajian Islam, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Email: [Ibrahim@upsi.edu.my](mailto:Ibrahim@upsi.edu.my).

<sup>13</sup> Penulis merupakan pensyarah Fakulti Sains Kemanusiaan Jabatan Pangajian Islam, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Email: [abdulmunir@upsi.edu.my](mailto:abdulmunir@upsi.edu.my).

sebagai ‘pemikir’ dan aset utama negara yang berperanan menjana idea-idea bernas dan kreatif dalam memastikan kejayaan dan kemajuan sesebuah negara itu. Kelahiran dan perkembangan golongan pengurus dan profesional Melayu sebagai sebahagian penting daripada kelas menengah ‘baru’ Malaysia adalah hasil daripada pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) (Nor Hayati Sa’at, 2004). Golongan profesional adalah sasaran dakwah yang perlu diberi perhatian tersendiri kerana mereka mempunyai potensi dan pengaruh terhadap di dalam sesuatu masyarakat.

Namun demikian, realitinya golongan profesional mempunyai ruang kerja yang mencabar, sibuk, bercitarasa tinggi dan hidup dalam kelompok tersendiri dengan gaya hidup yang pelbagai. Ada yang senang memilih gaya hidup barat yang lebih mewah dan moden tidak ketinggalan juga yang bersederhana serta bersahaja dalam penampilan. Pelbagai persoalan yang timbul dalam memahami keperibadian, mentaliti dan prinsip hidup golongan profesional ini. Maka adalah menjadi satu tanggungjawab para pendakwah era ini agar lebih giat mencari pendekatan dan alternatif terbaik yang sesuai dalam memastikan golongan profesional tidak diabaikan dengan dakwah sekaligus dapat membentuk satu jaringan harmoni di dalam kehidupan mereka berlandaskan syariat Islam yang sebenar.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

1. Mengkaji dasar-dasar pelaksanaan program dakwah di Pahang
2. Mengenalpasti tahap kefahaman dan amalan agama Islam, penerimaan, kepuasan, pengaruh serta keberkesanan dalam kalangan golongan profesional Melayu.
3. Menganalisis Hubungan dan sumbangan di antara pemboleh ubah pengaruh rakan, sikap, kefahaman agama, kepuasan, keberkesanan dan amalan agama terhadap penerimaan program dakwah dalam kalangan golongan profesional

## **DEFINISI ISTILAH**

Golongan berasal dari kata dasar ‘golong’ yang membawa maksud membahagi-bahagikan (mengasingkan) ke dalam beberapa kumpulan (kaum, puak dan lain-lain). Kemudian ditambah dengan imbuhan ‘an’ yang membawa maksud sesuatu kumpulan atau kelompok manusia (rakyat) (Tengku Iskandar, 1994). Profesional adalah berkaitan dengan profesion (bergiat). Menurut Mohd. Janib Johari secara umum golongan profesional terdiri daripada mereka yang terlibat dalam profesion tertentu seperti doktor, peguam, jurutera, akauntan, arkitek dan pakar komputer (Mohd Janib Johari, 2001). Secara ringkasnya, profesional diterangkan sebagai seseorang individu atau golongan yang melakukan sesuatu pekerjaan atau profesion atau bidang dengan menggunakan kepakaran, kecekapan atau kemahiran yang diperlukan dalam bidang yang diceburinya dan ia melibatkan pembayaran dimana pekerjaan yang dilakukan secara profesional itu merupakan mata pencarian dan pekerjaan tetapnya.

## **SEJARAH KEDATANGAN ISLAM DI PAHANG**

Menurut catatan sejarah, sebelum didirikan kerajaan Melayu Melaka, wilayah bahagian selatan Semenanjung Tanah Melayu semuanya termasuk dalam kawasan kerajaan Pahang. Orang Jawa Majapahit zaman dahulu menyebut Semenanjung Tanah Melayu sebagai Pahang (Buyong Adil, 1982). Mengikut W. Linehan (1936) mengenai kedatangan Islam ke Pahang, Negeri Pahang telah menerima pengaruh Islam sebelum terbentuknya Kerajaan Melayu Melaka lagi (W. Linehan, 1936). Beliau mengatakan bahawa, Pekan merupakan tempat yang sangat sesuai bagi pedagang-pedagang Arab yang sampai di Negeri Pahang. Maka terbukti terdapat banyak makam keturunan orang Syed yang menunjukkan mereka sudah sampai di Pekan sebelum abad ke-15 Masihi lagi (Buyong Adil, 1982). Ini diperkukuhkan lagi dengan penemuan batu nesan di Permatang Pasir, Pulau Tambun, Pekan yang juga dikenali dengan “Keramat Teluk Cik Munah” mencatatkan tarikh wafat seorang insan yang dikebumikan di kubur berkenaan iaitu pada hari Rabu 14 hari bulan Rabiulawwal tahun 419 Hijrah bersamaan tahun 1028 Masihi (1999).

Mengikut pengesahan yang dibuat oleh pihak Muzium Sultan Abu Bakar Pahang dan Jabatan Agama Islam Pahang serta para pengkaji yang terdiri daripada golongan akademik dan mereka yang mahir dalam bidang kejian sejarah. Maka timbullah persoalan dan polemik baru mengenai kedatangan Islam di Tanah Melayu yang bermakna kedatangan Islam ke Negeri Pahang lebih awal daripada Negeri Terengganu berdasarkan penemuan batu bersurat di Kuala Berang iaitu pada 1303 Masihi (Yaakob Isa, 2004). Menurut catatan, kubur itu kepunyaan seorang wali Allah yang berbangsa Arab yang dipercayai seorang tokoh besar Islam yang berdagang dari Negeri Arab ke rantau Asia (Mahayudin Hj Yahaya, 1984).

Zakaria Ahmad (1971) menyatakan dengan ikatan itu, aktiviti dakwah Islamiah giat dijalankan serta banyak kitab dan penulisan agama oleh ulamak Acehh disebarkan ke Pahang. Bahkan dipercayai bahawa Syeikh Hamzah Al-Fansuri pernah sampai ke Pahang dalam pengembaraannya ke Banten, Baitulmaqdis, Siam, Makkah dan Baghdad untuk menuntut ilmu agama dan menyebarkan dakwah Islamiah (Zakaria Ahmad, 1971). Ini menunjukkan pada awal kedatangan Islam ke Pahang telah berlakunya dakwah kepada golongan pembesar Pahang. Menurut Mohd Taib bin Hassan (2001) sehinggalah ke hari ini, gerakan dakwah diteruskan dan didokong oleh golongan agama yang terdiri daripada ulamak tempatan, para ilmuwan, cendekiawan dan orang perseorangan serta dari badan-badan dakwah kerajaan dan bukan kerajaan di Pahang (Mohd Taib Hassan, 2001).

## **ASAS METODOLOGI DAKWAH KEPADA GOLONGAN PROFESIONAL**

Golongan profesional merupakan golongan berstatus tinggi, cerdik pandai dan terkenal dalam kalangan masyarakat. Dalam hal ini beberapa pendekatan dakwah yang sesuai untuk menarik mereka kepada Islam perlu dikenalpasti oleh pendakwah. Dakwah kepada golongan ini hendaklah

dilakukan dengan begitu rapi supaya dakwah yang disampaikan tidak menyinggung perasaan mereka kepada dakwah tersebut, akhirnya mereka boleh menerima, menghayati dan mengamalkan ajaran agama Islam dalam kehidupan seharian mereka. Menurut Abdul Munir Ismail, golongan profesional merupakan golongan yang berpendidikan tinggi dan berteraf sosioekonomi yang tinggi mereka ini terdiri daripada mereka yang bekerja sebagai doktor, peguam, jurutera, arkitek, akuantan, para pensyarah universiti dan pegawai kerajaan kumpulan pengurusan dan profesional, pegawai eksekutif di sektor swasta. Ada sebahagian daripada mereka yang kurang faham tentang ajaran Islam sehingga ada yang mengabaikan suruhan Islam seperti solat dan zakat (Abdul Munir Ismail, 2016).

Al-Quran telah menjelaskan tentang pendekatan dakwah kepada manusia sepertimana dalam surah al-Nahl ayat 125 menjelaskan beberapa pendekatan metodologi dakwah yang harus digunapakai oleh pendakwah dan merupakan asas kepada metode dakwah terhadap golongan profesional. Firman Allah;

Maksudnya: Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; Sesungguhnya Tuhanmu Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya, dan Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.

Surah al-Nahl (16):125.

Ayat di atas telah menggariskan tiga metodologi dakwah kepada golongan profesional, iaitu *al-Hikmah* (bijaksana), *al-Maw'izah al-Hasanah* (nasihat yang baik) dan *al-Mujadalah bi al-lati hiya ahsan* (perdebatan dengan cara yang lebih baik). Maka dengan garis panduan dalam ayat al-Quran di atas pendakwah boleh menggunakan dalam berdakwah terutamanya kepada golongan profesional. Ayat tersebut juga dengan jelas memerintahkan supaya dakwah itu dilakukan dengan pendekatan yang pelbagai, yang boleh mempengaruhi dan menarik perhatian sasaran. Selain itu, menurut Ra'uf Shalabi, cara dakwah yang dinyatakan dalam ayat tersebut merupakan cara yang dilalui oleh Nabi Muhammad s.a.w. dalam dakwah-Nya kepada semua peringkat sasaran (Ra'uf Shalabi, 1980).

## **DASAR PELAKSANAAN DAKWAH BADAN-BADAN AGAMA DI PAHANG**

Pelbagai badan atau organisasi dakwah telah ditubuhkan dalam meneruskan usaha berdakwah khususnya di Pahang. Ia meliputi institusi badan kerajaan dan swasta yang masing-masing mempunyai objektif, visi dan misi yang satu iaitu ke arah memperkembangkan ajaran serta pemahaman tentang Islam yang sebenar kepada masyarakat yang bukan sahaja berbilang bangsa dan agama (Azmah Abdul Manaf, 2001) malah pelbagai prinsip, cara hidup dan penerimaan yang

berbeza mengikut ideologi sendiri. Di Pahang, beberapa institusi dakwah yang dikenalpasti bergerak aktif dalam usaha ini iaitu MUIP, JAIP, ABIM dan IKRAM.

Setelah kajian dijalankan, didapati kegiatan dakwah di negeri Pahang dilakukan dengan pelbagai cara. Ada program yang dilakukan secara khusus dan terdapat juga program secara umum kepada golongan profesional. Namun, setelah diamati, MUIP dan JAIP tidak menjalankan program dakwah yang khusus kepada golongan profesional. Mereka menjalankan program secara umum iaitu melalui ceramah, seminar dan lain-lain. Dalam hal ini, NGO seperti ABIM dan IKRAM telah mengisi kekosongan tersebut dengan mengadakan program dakwah yang khusus dan umum kepada golongan profesional melalui usrah, *tamrin*, seminar, bengkel dan kegiatan kemasyarakatan.

Bagi MUIP dasar pelaksanaan dakwah telah termaktub dalam objektif organisasi MUIP yang ke lima iaitu menyebarkan dan meningkatkan syiar Islam di negeri Pahang melalui aspek dakwah dan pendidikan, pembangunan insan, ekonomi, perundangan dan sosio-budaya. Bagi merealisasikan objektif ini, pihak MUIP telah menubuhkan unit dakwah dan mualaf sebagai pengelola dalam mencapai matlamatnya. Di antara fungsi unit ini adalah menegakkan keadilan mengikut hukum-hukum Islam serta mengawal dan membasmi murtad, bida'ah, kemungkaran, maksiat, khurafat dan fikiran-fikiran yang boleh menjejaskan kesucian Islam. Berdasarkan kepada pembentukan fungsi tersebut, jelas menunjukkan bahawa dasar pelaksanaan dakwah terhadap masyarakat oleh pihak MUIP sememangnya terlaksana melalui ceramah, forum, seminar, program ziarah dan sebagainya.

Sementara JAIP melaksanakan dasar yang diputuskan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang, kerajaan serta mengikut peraturan-peraturan yang terkandung dalam enakmen-enakmen yang berkaitan dengan agama Islam di negeri Pahang. JAIP mempunyai objektif tertentu dalam penyebaran dakwah kepada masyarakat. Antara objektifnya adalah melahirkan masyarakat madani yang menjadikan Islam suatu cara hidup yang sempurna serta memahami dan menghayati ajaran Islam yang terkandung dalam al-Quran dan as-Sunnah. Berdasarkan objektif tersebut, jelas menunjukkan bahawa JAIP komited dengan tugas mereka dalam arus penyebaran dakwah kepada masyarakat di negeri Pahang melalui aktiviti yang telah dijalankan.

Fungsi Bahagian Dakwah JAIP adalah merancang dan melaksanakan program-program ummah dari segi intelek dan kerohanian di negeri Pahang. Melalui Unit Tarbiah, JAIP melaksanakan program dakwah dan penerangan terhadap isu semasa agama. JAIP juga menjalankan program dakwah masyarakat serta menganjurkan kursus dan latihan kepada para pendakwah, pemimpin dan penggerak agama dalam bidang pengurusan dakwah. Dalam hal ini juga, JAIP berperanan dalam menganjurkan program bersempena hari kebesaran Islam, ceramah, seminar, forum, diskusi ziarah dan sebagainya.

Bagi ABIM pula dasar pelaksanaan dakwah mengikut objektif yang telah ditetapkan iaitu menjalankan dakwah Islamiyah dengan cara yang progresif kepada seluruh lapisan masyarakat. Dalam melaksanakan tugas ini, ABIM mewujudkan Biro Dakwah dan Tarbiyah. Kumpulan sasaran bagi program-program yang dijalankan oleh ABIM adalah golongan belia, profesional, remaja, saudara baru, golongan IPTA dan IPTS serta golongan bukan Islam. Antara program yang dijalankan adalah seminar, diskusi, ceramah dan sebagainya.

IKRAM dalam aspirasi dakwahnya bermatlamat menyebarkan risalah Islam melalui dakwah, serta mempertahankannya daripada kebatilan dan syubhat. Berdasarkan matlamat IKRAM jelas menunjukkan bahawa IKRAM juga tidak ketinggalan dalam arus penyebaran dakwah kepada masyarakat di Pahang. Kini, tumpuan IKRAM kepada remaja, saudara baru dan non Muslim.

Secara umumnya, semua badan-badan dakwah yang bertapak di Pahang ini mempunyai dasar pelaksanaan program dakwah dalam penubuhannya. Namun, tidak semua badan-badan dakwah dapat melebarkan dakwah secara khusus kepada golongan profesional. Perancangan dakwah yang baik dan teratur serta melihat seluruh aspek dakwah akan membolehkan keberkesanan dan kejayaan dakwah kepada golongan profesional. Oleh itu, metode program dakwah yang disenaraikan di atas telah diaplikasikan oleh badan-badan dakwah di negeri Pahang untuk mendekati masyarakat dengan ajaran Islam dalam pelbagai bentuk. Antaranya melalui penganjuran hari kebesaran Islam dengan di adakan ceramah, forum dan tazkirah. Badan-badan dakwah telah membuat program ziarah dakwah, *street* dakwah, kelas-kelas bimbingan dan dakwah *bil hal* kepada masyarakat untuk mendalami agama Islam.

Tuntasnya, berdasarkan kepada faktor itulah pelaksanaan program dakwah oleh badan-badan dakwah sama ada kerajaan atau NGO tidak dapat diadaptasikan kepada golongan profesional kecuali badan-badan tersebut bekerjasama dalam menjalankan aktiviti dakwah kepada golongan profesional. Walau bagaimanapun, penyelidik berpendapat sekiranya perancangan dakwah dilakukan dengan lebih bersistematik, sudah tentu aktiviti dakwah tersebut akan diterima oleh golongan profesional sekaligus visi, misi dan objektif penubuhan sesebuah organisasi akan tercapai.

## **RUMUSAN DAPATAN KAJIAN**

Kajian mendapati pelaksanaan program dakwah oleh semua badan-badan dakwah yang di negeri Pahang mempunyai dasar pelaksanaan program dakwah yang tersusun. Perancangan dakwah yang baik dan teratur serta melihat seluruh aspek dakwah telah membolehkan keberkesanan dan kejayaan dakwah kepada golongan profesional. Oleh itu, penyelidik mendapati pelaksanaan program dakwah yang telah diaplikasikan oleh badan-badan dakwah di negeri Pahang untuk mendekati golongan profesional dengan ajaran Islam dalam pelbagai bentuk iaitu dakwah melalui penganjuran hari kebesaran Islam dengan di adakan ceramah, forum, tazkirah. Badan-badan dakwah telah membuat program ziarah dakwah, *street* dakwah dan kelas pengajian, usrah,

dialog dan dakwah bil hal kepada golongan profesioan untuk mendalami agama Islam di negeri Pahang.

Kajian ini dijalankan untuk meninjau tahap penerimaan program dakwah dalam kalangan golongan profesional Melayu berdasarkan enam komponen pemboleh ubah bebas (kefahaman agama, amalan agama, sikap, kepuasan, pengaruh rakan dan keberkesanan program dakwah) menurut responden profesional. Kajian turut melihat perbezaan berdasarkan dua faktor demografi golongan profesional (jantina dan umur). Seterusnya kajian turut melihat hubungan antara pemboleh ubah kefahaman, amalan, sikap, kepuasan, pengaruh rakan dan keberkesnan serta penerimaan program dakwah dan diikuti dengan faktor-faktor penyumbang terhadap penerimaan program dakwah.

### **PROFIL RESPONDEN PROFESIONAL**

Profil responden golongan profesional Melayu terdiri daripada doktor, peguam, akauntan, jurutera, arkitek, pensyarah dan pegawai kanan yang mengikuti program dakwah. Dapatan ini turut melaporkan maklumat responden berdasarkan, jantina, umur, status perkahwinan, pendidikan, pekerjaan, bidang profesional, pendapatan dan kediaman.

**Jadual 1 Profil Responden Golongan Profesional Berdasarkan Jantina dan Umur**

<b>DEMOGRAFI ITEM</b>		<b>KEKERAPAN</b>	<b>PERATUS %</b>
Jantina	Lelaki	208	65.4%
	Perempuan	110	34.6%
Umur	21-30	52	16.4%
	31-40	159	50.2%
	41-50	90	28.3%
	51 dan ke atas	17	5.3%

Berdasarkan paparan dalam Jadual 1 di atas , data menunjukkan terdapat seramai 318 orang golongan profesional Melayu yang dijadikan sampel dalam kajian ini. Daripada keseluruhan responden, seramai 208 orang (65.4%) adalah lelaki dan 110 orang (34.6%) adalah perempuan. Dapatan ini menunjukkan responden dalam kalangan profesional lelaki mendominasi jumlah keseluruhan responden yang terlibat dalam kajian ini. Dari segi umur, responden tertinggi adalah daripada kalangan profesional berumur 31 hingga 40 tahun iaitu 159 (50.0%), diikuti umur 41-50 tahun (28.3%), 21-30 tahun (16.4%) dan 51 tahun ke atas adalah responden terendah (5.3%).

Jadual 2 Nilai Pekali Kebolehpercayaan *Alpha Cronbach*

Pemboleh ubah	Bil. Item kajian	Nilai <i>Cronbach Alpha</i>
Sikap	3	0.68
Pengaruh	4	0.79
f Kefahaman	7	0.65
Kepuasan	4	0.72
Keberkesanan	7	0.89
Amalan	7	0.93
Penerimaan	5	0.92

Hasil analisis kebolehpercayaan bagi kedua-dua set instrumen soal selidik (golongan profesional) yang telah dijalankan melalui kajian rintis ini ditunjukkan dalam Jadual 2 di atas. Nilai alpha bagi soal selidik golongan profesional adalah antara 0.65 - 0.93 iaitu berada pada tahap tinggi. Secara keseluruhannya nilai alpha bagi instrumen soal selidik golongan profesional adalah 0.971. Hasil analisis kebolehpercayaan ini menunjukkan set instrumen soal selidik (golongan profesional) mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi dan membolehkan kajian sebenar dijalankan.

Secara keseluruhannya hasil kajian mendapati tahap kefahaman agama dan amalan agama berada pada tahap tinggi menurut responden profesional. Dapatan kajian telah menunjukkan nilai min bagi pemboleh ubah kefahaman adalah  $M=4.39$ . Manakala bagi pemboleh ubah pengamalan ajaran Islam pula, nilai min adalah  $M=4.52$ . Manakala untuk pemboleh ubah tahap penerimaan golongan profesional pula adalah sedarhana tinggi iaitu nilai  $M=3.16$  dan yang terakhir, nilai min bagi pemboleh ubah kepuasan pula adalah  $M=3.64$ .

Hasil kajian inferensi perbezaan pula mendapati 6 hipotesis diterima. Hasil kajian juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan tahap penerimaan program dakwah berdasarkan faktor jantina dan umur yang mana ia turut memainkan peranan penting terhadap tahap penerimaan program dakwah. Berdasarkan hasil analisis ujian-t, menunjukkan tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan ( $P=0.286$ ,  $p>0.05$ ) bagi penerimaan dakwah berdasarkan jantina golongan profesional (min 4.150,  $sp=0.459$ ) lelaki dengan perempuan (min 4.099,  $sp=0.479$ ). Dengan ini hipotesis adalah diterima. Analisis perbezaan ini mendapati tahap penerimaan program dakwah berdasarkan jantina golongan profesional antara lelaki dengan perempuan adalah sama sahaja.

## **ANALISIS KORELASI HUBUNGAN ANTARA PEMBOLEH UBAH BEBAS DENGAN PENERIMAAN PROGRAM DAKWAH**

Analisis statistik korelasi dijalankan bagi mengenal pasti hubungan antara pemboleh ubah bebas iaitu kefahaman agama, amalan agama, sikap, kepuasan, pengaruh rakan dan keberkesanan dengan



penerimaan program dakwah. Analisis korelasi ini dilakukan bagi menjawab persoalan kajian keenam menguji kesemua hipotesis.

Terdapat hubungan yang positif antara pemboleh ubah bebas iaitu kefahaman agama, amalan agama, sikap, kepuasan, pengaruh rakan dan keberkesanan dengan penerimaan program dakwah Bagi menjawab persoalan kajian berkaitan hubungan antara pemboleh ubah bebas iaitu kefahaman agama, amalan agama, sikap, kepuasan, pengaruh rakan dan keberkesanan dengan penerimaan program dakwah, maka adalah wajar dilihat terlebih dahulu hubungan linear antara ketujuh-tujuh pemboleh ubah dalam kajian ini. Secara terperinci analisis korelasi antara ketujuh-tujuh pemboleh ubah adalah seperti dalam jadual 3 di bawah.

Jadual 3 Analisis Korelasi antara semua pemboleh ubah

Pemboleh ubah	Amalan	Penerimaan	Pengaruh	Kepuasan	Sikap	Keberkesanan
Kefahaman	.724	.586	.590	.431	.243	.572
Amalan		.528	.599	.298	.150	.569
Penerimaan			.685	.534	.328	.709
Pengaruh				.465	.276	.737
Kepuasan					.342	.593
Sikap						.337

r = 0.586                      P < 0.01\*                      P < 0.05\*\*

Jadual 4 Analisis Korelasi antara pemboleh ubah bebas dengan penerimaan program dakwah.

Pemboleh ubah	Penerimaan Program Dakwah
Kefahaman	586
Amalan	528
Pengaruh	685
Kepuasan	534
Sikap	328
Keberkesanan	709

r = 0.586                      P < 0.01\*                      P < 0.05\*\*

Berdasarkan hasil analisis korelasi antara keenam-enam pemboleh ubah adalah seperti dalam jadual 4 di atas yang menunjukkan bahawa wujud hubungan linear yang positif antara pemboleh ubah-pemboleh ubah yang dikaji dengan kekuatan hubungan antara keduanya berada pada tahap kuat iaitu nilai (r) antara 0.328 hingga 0.709

Hasil kajian menunjukkan terdapat hubungan yang positif antara komponen pemboleh ubah bebas dengan penerimaan program dakwah. Malah dua komponen pemboleh ubah iaitu pengaruh rakan dan keberkesanan program membuktikan hubungan pada tahap kuat dengan penerimaan program dakwah. Hasil keputusan ini menunjukkan semakin tinggi tahap pengaruh

rakan dan keberkesanan dakwah maka semakin tinggi tahap penerimaan program dakwah dalam kalangan golongan profesional.

Hasil kajian juga mendapati enam komponen pemboleh ubah bebas (kefahaman agama, amalan agama, sikap, pengaruh rakan, kepuasan dan keberkesanan dakwah) berjaya dibuktikan sebagai faktor penyumbang sebanyak 60% varian terhadap penerimaan program dakwah. Namun, hanya dua peramal iaitu keberkesanan dan pengaruh rakan yang memberikan kesan positif terhadap penerimaan program dakwah dalam kalangan golongan profesional Melayu di Pahang.

Jadual 5 Nilai pekali model kajian Regerasi

Model	Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients	T	Sig.
	B	Std. Error	Beta		
(Constant)	-1.608	.327		-4.914	.000
KEFAHAMAN	.285	.100	.161	2.866	.004
AMALAN	.038	.079	.027	.480	.632
PENGARUH	.257	.053	.274	4.827	.000
KEPUASAN	.181	.065	.129	2.776	.006
SIKAP	.098	.060	.063	1.624	.105
KEBERKESANAN	.389	.078	.302	4.973	.000

Hasil kajian menunjukkan pemboleh ubah bebas iaitu keberkesanan, pengaruh rakan, kefahaman agama dan kepuasan untuk mempengaruhi penerimaan program dakwah. Pemboleh ubah bebas yang paling kuat mempengaruhi penerimaan program dakwah ialah keberkesanan iaitu dengan nilai  $\beta$  sebanyak 0.302, ( $p < 0.001$ ). Pemboleh ubah pengaruh rakan pula dapat mempengaruhi penerimaan program dakwah secara signifikan iaitu dengan nilai  $\beta$  sebanyak 0.274, ( $p < 0.001$ ). Walau bagaimanapun, bagi pemboleh ubah kefahaman agama dan kepuasan, sungguhpun secara signifikan dapat mempengaruhi penerimaan program dakwah namun secara relatif, kesannya lebih kecil iaitu masing-masing dengan nilai  $\beta$  sebanyak 0.129, ( $p < 0.05$ ) dan 0.161, ( $p < 0.01$ ). Pemboleh ubah sikap dan amalan pula tidak memberi kesan yang signifikan dalam mempengaruhi penerimaan program dakwah dengan nilai  $\beta$  sebanyak 0.027, ( $p > 0.05$ ). Dapatan ini tidak menyokong hipotesis amalan. Ini adalah disebabkan responden kajian ini adalah profesional Muslim yang mereka merasakan amalan agama mesti dilaksanakan ia tidak bersangkutan dengan program agama.

Justeru, penyelidik berpendapat bahawa empat pemboleh ubah adalah peramal yang sangat penting dalam menjelaskan penerimaan para profesional terhadap program dakwah, faktor-faktor seperti keberkesanan, pengaruh rakan, kefahaman dan kepuasan merupakan peramal penting terhadap penerimaan program dakwah di negeri Pahang.

Jadual 6 Analisis Korelasi antara pemboleh ubah bebas dengan penerimaan program dakwah

Pemboleh ubah bebas	Penerimaan program dakwah (N 589)		
	n	Sig. P	Int.
Kefahaman	0.586	0.000*	kuat
Amalan	0.528	0.000*	kuat
Pengaruh	0.685	0.000*	kuat
Kepuasan	0.534	0.000*	kuat
Sikap	0.328	0.000*	kuat
Keberkesanan	0.709	0.000*	kuat

\*Signifikan pada aras  $p < 0.01$  (2-hujung) \*\* Signifikan pada aras  $p < 0.05$  (2 hujung).

Secara keseluruhannya, hasil kajian korelasi di atas menunjukkan bahawa kesemua pemboleh ubah bebas mempunyai hubungan yang signifikan dengan pemboleh ubah penerimaan program dakwah. Dengan ini, keenam hipotesis diterima. Justeru, hasil analisis korelasi ini juga menjelaskan bahawa responden yang memperoleh skor yang tinggi dalam hubungan antara pemboleh ubah bebas dengan penerimaan program dakwah.

Kesimpulannya, berdasarkan kepada dapatan kajian ini, penyelidik merumuskan bahawa dengan menggabungkan teori Islam dengan teori Barat iaitu TPB, maka kajian ini mampu menjelaskan penerimaan program dakwah dalam kalangan profesional Melayu di Pahang sekali gus menjawab objektif secara umum kajian ini.

## IMPLIKASI KAJIAN

Kajian ini memberikan gambaran jelas dan menyeluruh tentang penerimaan program dakwah dalam kalangan golongan profesional. Dapatan kajian juga turut memberikan gambaran terperinci enam pemboleh ubah dan hubungannya dengan penerimaan program dakwah. Berdasarkan dapatan ini beberapa implikasi terhadap pelaksanaan program dakwah dirumuskan.

### Implikasi Terhadap Teori

Dari perspektif teori, kajian ini telah menyumbang kepada paradigma baru dengan menguji hubungan antara pemboleh ubah yang terdapat dalam disiplin ilmu pengajian Islam dengan Sains Sosial iaitu Teori Perlakuan Bersebab (TPB). Jika ditinjau dari sudut literatur kajian yang menggunakan teori perlakuan bersebab (TPB) telah banyak dijalankan dalam disiplin sains sosial khususnya kajian yang melibat ramalan tingkah laku manusia. Kajian ini adalah antara kajian yang terawal yang menggabungkan pemboleh ubah dalam disiplin ilmu Islam dengan pemboleh ubah yang sedia ada dalam teori perlakuan bersebab. Oleh yang demikian itu, teori perlakuan bersebab terus berkembang dengan digabungkan bersama teori tingkah laku dalam Islam, maka kemasukan empat elemen baru iaitu kefahaman agama, kepuasan, pengaruh rakan dan keberkesanan khususnya elemen dari disiplin pengajian Islam memberi sumbangan kepada teori Islam dan Barat.

Secara umumnya hasil kajian ini dapat memberi manfaat kepada pengurusan badan-badan dakwah di negeri Pahang dalam mengenalpasti faktor-faktor yang menyumbang kepada penerimaan program dakwah di Pahang kepada golongan profesional Melayu. Hasil kajian ini telah menunjukkan bahawa integrasi model pengajian Islam dan TPB boleh dijadikan asas penyelidikan dalam mengenalpasti faktor-faktor yang membawa kepada penerimaan program dakwah. Berpandukan hasil kajian yang diperolehi, beberapa perkara penting yang perlu diberi perhatian bagi memantapkan lagi program dakwah di Pahang. Sementara bagi dunia akademia pula, kajian ini dapat memberi sumbangan yang bermakna melalui pengintegrasian beberapa teori Islam dan Sains Sosial dalam menjelaskan faktor-faktor penerimaan program dakwah untuk menjalankan program dakwah kepada golongan profesional. Bahagian ini seterusnya akan memberi penerangan dengan lebih terperinci tentang implikasi terhadap kajian ini.

Kesimpulannya, melalui kajian-kajian yang telah dinyatakan di atas, masih belum ada kajian yang menggabungkan teori tersebut. Maka gabungan teori-teori tersebut adalah yang pertama kali digunakan dalam literatur penerimaan program dakwah seterusnya memperkembangkan model pengajian Islam dengan penambahan teori baru dalam TPB. Oleh itu, dengan penggabungan teori Islam dan TPB ini, maka kefahaman terhadap penerimaan program dakwah akan lebih mendalam. Penggabungan teori Islam dan TPB dalam bidang kajian penerimaan program dakwah khususnya dalam strategi dalam melaksanakan program dakwah kepada golongan profesional.

### **Implikasi Terhadap Praktikal**

Secara praktikal, kajian ini telah menyumbang kepada badan-badan dakwah dalam memahami tentang faktor-faktor yang menyumbang kepada penerimaan program dakwah. Sekiranya faktor-faktor ini telah dikenalpasti, maka secara tidak langsung akan membantu dalam membuat keputusan berkaitan dasar-dasar yang membabitkan program-program dakwah yang lebih berkesan kepada golongan profesional. Ab. Aziz MohdZin (2006) dalam kajiannya telah menyatakan bahawa dakwah kepada masyarakat masih kurang berkesan. Keadaan ini adalah sesuatu yang tidak baik memandangkan dalam kegiatan dakwah ini boleh merugikan tenaga, masa dan kewangan.

Kajian ini telah membuktikan bahawa pemboleh ubah yang pertama iaitu sikap didapati tidak mempengaruhi penerimaan program dakwah dengan nilai  $\beta$  hanya sebanyak 0.027. Sebagaimana yang dijelaskan para profesional mempunyai sikap sedarhana kepada program dakwah memang tidak merasakan bahawa program dakwah itu penting kepada mereka. Maka, dengan itu, pemboleh ubah sikap tidak memberi apa-apa kesan terhadap penerimaan program dakwah.

Pemboleh ubah yang kedua iaitu pengaruh rakan didapati mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap penerimaan program dakwah dengan nilai  $\beta$  bersamaan 0.274, ( $p < 0.05$ ). Ini

menunjukkan bahawa pengaruh masyarakat sekeliling mampu mempengaruhi profesional dalam mengikuti program dakwah. Kajian ini membuktikan bahawa ketua, guru agama, imam dan pegawai agama memainkan peranan penting dalam mempengaruhi para profesional untuk mengikuti program dakwah. Oleh yang demikian itu, badan-badan agama seharusnya sentiasa memberikan galakan kepada ketua, imam, guru agama dan pegawai agama untuk terus menarik golongan profesional menghadiri program dakwah.

Kajian ini telah membuktikan bahawa pemboleh ubah yang ketiga iaitu kefahaman agama dengan nilai  $\beta$  sebanyak 0.161 ( $p < 0.001$ ). Walau bagaimanapun, secara relatif, pengaruhnya kuat dengan nilai  $\beta$  sebanyak 0.20. Ia sekaligus menjelaskan bahawa faktor kefahaman dakwah memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi penerimaan program dakwah untuk terus mengikuti program dakwah yang dilaksanakan oleh badan-badan dakwah di Pahang.

Pembolehubah yang keempat iaitu kepuasan juga didapati mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap penerimaan program dakwah iaitu dengan nilai  $\beta$  sebanyak 0.129 ( $p < 0.01$ ). Dapatan ini menunjukkan bahawa, kepelbagaian program dakwah agak baik kerana ia mampu menarik profesional untuk mengikuti program dakwah yang dilaksanakan. Walau bagaimanapun, pihak berwajib seharusnya sentiasa bersedia menambahbaik program dakwah dari masa ke masa.


Kajian ini telah membuktikan bahawa pemboleh ubah yang kelima iaitu keberkesanan dalam program dakwah dengan nilai  $\beta$  sebanyak 0.302 ( $p < 0.001$ ). Walau bagaimanapun, secara relatif, pengaruhnya kuat dengan nilai  $\beta$  sebanyak 0.30. Ia sekaligus menjelaskan bahawa faktor keberkesanan dakwah memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi penerimaan program dakwah untuk terus mengikuti program dakwah yang dilaksanakan oleh badan-badan dakwah di Pahang.

Berdasarkan keputusan ini, pihak organisasi dakwah mungkin perlu berusaha menambahbaik program dakwah sama ada memberikan kandungan yang benar-benar memberikan manfaat dalam program dakwah atau mereka memperbaiki semula secara holistik program dakwah tersebut mungkin dari aspek penyampaian dan aspek-aspek yang lain. Penambahbaikan adalah penting memandangkan para profesional akan terus mengikuti program dakwah berdasarkan persepsi mereka bahawa, belajar agama perlu sepanjang hayat dan akan membantu mereka untuk lebih memahami dan mengamalkan ajaran agama Islam.

Pemboleh ubah yang keenam pula iaitu amalan didapati tidak memberi kesan signifikan terhadap penerimaan program dakwah. Dapatan ini menyatakan bahawa amalan agama merupakan perkara yang mesti dilakukan oleh setiap Muslim, Maka amalan agama tidak berkaitan dengan program dakwah yang dijalankan.

Model kajian juga diharap mampu memberi sumbangan secara praktikal. Model kajian menunjukkan bahawa pemboleh ubah keberkesanan adalah pemboleh ubah terkuat dalam mempengaruhi pemboleh ubah bersandar iaitu penerimaan program dakwah. Ini bermakna, pihak

berkaitan seperti kerajaan melalui organisasi mungkin boleh memanfaatkan hasil kajian ini dengan berusaha untuk mengekalkan tahap keberkesanan dakwah para profesional dalam menerima program dakwah. Memandangkan keberkesanan, pengaruh rakan, kefahaman dan kepuasan mempengaruhi penerimaan program dakwah secara signifikan, pelbagai usaha boleh dilakukan untuk mengekalkan tahap keberkesanan dakwah terhadap program dakwah yang dijalankan oleh badan-badan dakwah seperti menambahbaik program dakwah yang sedia ada. Rajah 1 di bawah merupakan model kajian dalam penerimaan program dakwah.



Berdasarkan kepada penemuan kajian ini, maka dicadangkan beberapa saranan kepada pihak tertentu untuk melaksanakan atau mempertimbangkan bagi mengatur strategi dan mengemaskinikan program dakwah kepada golongan profesional di Pahang agar agama Islam dapat diamalkan dalam kehidupan harian mereka.

## RUJUKAN

Al-Qur'an al-Karim.

'Abd. al-Karim Zaydan (Dr), (1999), *Usul al-Da'wah*, Bairut: Mu'assasah al-Risalah.

Ab. Aziz Mohd Zin (Prof. Dr.), (2004), *Metodologi Dakwah*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Ab. Aziz Mohd Zin (1999), *Psikologi Dakwah*, Kuala Lumpur : Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Abdul Munir Ismail (2014), *Dakwah Suatu Tuntutan dalam Islam*, UPSI, Tanjung Malim.

- Abdullah Muhammad Zin, Che Yusof Che Mamat dan Ideris Endut, 1997, Prinsip dan Kaedah Dakwah dalam Arus Pembangunan Malaysia. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abu al-Majid al-Sayyid Nawfal (Dr), 1987, *al-Da'wah ila Allah Ta'ala: Khasasuha Muqawamatuh Manahijuh*, Kaherah.
- Abdul Malik bin Abdul Karim Amrullah (Hamka) (1999), *Tafsir al-Azhar*. cet. 3. jil. 6, Singapura: Pustaka Nasional.
- Abi al-Fida' Isma'il Ibn Kathir al-Qurasyi al-Dimisiyiqi (1966), *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*, j. 2., Kaherah: Dar al-Sya'ib.
- Ahmad Mahmud Abu Zaid (1996), *Pendakwah Masa Kini Sikap dan Pendekatan*, terj. Usamah Hussein, Kuala Lumpur : Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- Al-Sayuti, Abd al-Rahman Jalaluddin (1993), *Tafsir al-Sayuti, al-Dur Mansur fi al-Tafsir al-Ma'thur*. Beirut : Dar al-Fikr.
- 'Ali Jarisyah (Dr.) (1987), *Manhaj al-Da'wah wa Asalibuh*, Kaherah. Dar al-Wafa'.
- Amhazun Muhammad, (2003), *Manhaj al-Nabiy fi al-Da'wah min Khilal al-Sirah al-Sahihah*,Kaherah: Dar al-Salam.
- Azmah Abdul Manaf (2001), *Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia*; Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors.
- Fuad Ifram al-Bustani, 1956, *Munjid al-Tullab*. cet. 3. Beirut: Dar al-Mashruq.
- Ghazali Darusalam (1996), *Dinamika Ilmu Dakwah Islamiah*, Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors.
- H. Asep Muhyiddin (Drs.) dan Agus Ahmad Safei (M.Ag.) (2002), *Metode Pengembangan Dakwah*, Bandung: Pustaka Setia.
- H. Asep Muhyiddin (MA.) (2002), *Dakwah dalam Perspektif Al-Qur'an*, Bandung: Pustaka Setia.
- Ibn Khaldun (1984), *al-Muqaddimah*. Beirut: Dar al-Qalam.
- Ibn Hajar Asqalani, Ahmad bin 'Ali bin Hajar (2000), *Fathul Bari Bisyarh Sahih Bukhari*. Beirut.
- Kamus Dewan* (2007), Edisi Keempat, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahayudin Yahaya dan Ahmad Jelani Halimi (1994), *Sejarah Islam*. Selangor : Fajar Bakti
- Mohd. Janib Johari (2001), *Etika Profesional*. Johor Darul Takzim: Universiti Teknologi Malaysia.

- Muhammad al-Sabuni (1981), *Mukhtasar Tafsir Ibn Kathir*. jil. 3, Beirut: Dar al-Quran al-Karim.
- M. Natsir (1980), *Fiqh Dakwah*. International Islamic Federation of Student Organizations, Kuwait: Salamiah.
- Mohd. Majid Konting (1990), *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Mustafa Daud (2002), *Cabaran Tamadun Islam Pada Alaf Baru di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors.
- Muhammad bin Makram bin Mauzur al-Afriqi (t.t), *Lisanb al-Arab*. Bearut: Dar Sadir.
- Muhammad HuseinFadhullah (1972), *Uslub Da'wahIla Allah Fi al-Qur'an al-Karim Wa Manahijuhum*. Kaherah : Universiti al-Azhar.
- Muhammad Sayyid al-Wakil, 1991, *Usus al-Da'wah wa Adab al-Du'at*, Madinah al-Munawwarah : Dar al-Mujtama'.
- Nor Hayati Sa'at. Golongan Profesional Melayu di Terengganu: Kajian Sosio Budaya, Jurnal Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan. Universiti Kebangsaan Malaysia, Akademika (64) Januari 2004.
- Ruslan Zainuddin (2005), *Sejarah Malaysia*. c. 2, Shah Alam: Fajar Bakti.
- Sidi Gazalba dan Zainab Ismail (1995), *Dakwah Islamiah Malaysia Masa Kini*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Syaid Muhammad Nuh (Dr.), (2000), *Dakwah Fardiyah: Pendekatan Personal Dalam Dakwah*. Laweyen Solo: Era Intermedia.
- Sulaiman Ibrahim, Othman Hj. Talib dan AnuarPuteh (2002), *Dakwah kepada Masyarakat Muslim di Malaysia*. Bangi:Universiti Kebangsaan Malaysia.
- SayyidQutb (2000), *Tafsir Fi Zilal al- Qur'an*. terj. YusoffZakyHj.Yacob, jil. 10, Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Sidi Gazalba dan Zainab Ismail (1995), *Dakwah Islamiah Malaysia Masa Kini*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

[www.jaip.pahang.gov.my](http://www.jaip.pahang.gov.my)

[www.abimpahang.blogspot.com](http://www.abimpahang.blogspot.com)

[www.ikram.org.my](http://www.ikram.org.my)



Zaki Masi'al (Dr) (1985), *Al-Ni'mah al-Kubra: Sorotan Pemikiran Dakwah Islamiah*, Kaherah: Mathba'h al-Sa'aadah.

Zakaria Ahmad (1971), *Sejarah Hamzah Fansury: Ulama Penyair Terbesar*. Sinar Darussalam